



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Harga RON97 turun lapan sen, RON95 dan diesel kekal

☐ [Jumaat, Jan 31 2020](#)☐ ☐

KUALA LUMPUR, 31 Jan -- Harga runcit petrol RON97 turun lapan sen kepada RM2.41 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada RM2.08 dan RM2.18 seliter, berkuat kuasa tengah malam ini hingga 7 Feb.

Dalam kenyataan hari ini, Kementerian Kewangan memaklumkan berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing sepatutnya RM2.11 dan RM2.18 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lepas bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.19 seliter dan diesel yang berada pada paras RM2.26 seliter. "Namun, harga runcit bagi kedua-dua

produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat,” katanya.

Kementerian itu turut memaklumkan dengan pengekalan harga runcit bagi kedua-dua produk berkenaan, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh 1 hingga 7 Feb 2020 berjumlah RM10.43 juta.

-- BERNAMA



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian



Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas



Statistik & <
Prestasi

Pautan <


Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data